

Headline	Pekebun, penoreh terjejas bah boleh mohon bantuan		
MediaTitle	Berita Minggu	Language	Malay
Date	08 Jan 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	4
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	365 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 37,602		



# Pekebun, penoreh terjejas bah boleh mohon bantuan

**Pasir Mas:** Pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas dengan banjir boleh memohon bantuan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kementeriannya menunggu laporan penuh maklumat mereka yang terjejas daripada pegawai bertanggungjawab di Kelantan dan Terengganu.

## Beri bantuan segera

"Bantuan akan segera diberikan selepas kami menerima laporan untuk membantu meringankan beban pekebun dan penoreh yang terjejas dengan bencana ini."

"Saya percaya selepas banjir reda,

pihak kami akan menerima banyak laporan dan permohonan daripada mangsa yang memohon bantuan," katanya ketika ditemui media selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Kedai Tanjong, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus KE-SEDAR, Datuk Abdul Aziz Derashid, yang memberi bantuan 1,110 mangsa daripada 421 keluarga banjir di

pusat pemindahan berkenaan.

## Usah guna alat elektrik terendam banjir

Di Kuala Lumpur, Tenaga Nasional Bhd (TNB) menasihatkan orang ramai supaya tidak menggunakan peralatan elektrik yang terendam dalam banjir bagi mengelakkan renjatan

elektrik. Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, berkata pengguna yang ingin menggunakan peralatan elektrik itu semula memastikan ia diperiksa dan diuji kontraktor elektrik berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

"Peralatan elektrik dan pendawaian yang terendam boleh menyebabkan litar pintas atau kebakaran.

"Sebelum menggunakan semula peralatan elektrik, ia perlu dibersihkan dan dikeringkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mereka yang ingin mendapatkan nasihat dan maklumat lain berkaitan bekalan elektrik di kawasan yang terabit dengan banjir, boleh menghubungi talian TNB CareLine 15454.

## Info

### Keselamatan ketika banjir

- Jangan gunakan alat elektrik yang terendam air
- Bersihkan dan keringkan peralatan elektrik



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melawat mangsa banjir, Rusdi Yakub yang menghidap angin ahmar di pusat pemindahan di SK Bunohan, Tumpat, semalam.